



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	6/1/2020	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Cubaan curi hasil hutan di Gerik

IPOH - Jabatan Perhutanan Perak berjaya mengesan cubaan mencuri hasil hutan di daerah Gerik melalui aduan diterima pada 3 Januari lalu.

Jabatan Perhutanan Perak dalam satu kenyataan menjelaskan sepasukan Unit Tindakan Khas (UTK), Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak menjalankan risikan di kawasan yang disyaki berlaku aktiviti pengambilan hasil hutan tersebut.

Menurutnya, hasil risikan berkenaan, pasukan tersebut mengesan tebaran pokok yang disyaki dijalankan di atas tanah kerajaan di kaki Gunung Kerunai, Mukim Kerunai, Gerik.

“Pasukan UTK telah menemui beberapa longgokan kayu di tanah kerajaan tersebut dan sebahagian longgokan kayu yang sedia untuk dipindahkan ke tanah milik.

“Kawasan ini juga didapati berhampiran dengan kawasan takungan air kepada penduduk Kampung Tanjung Kekabu, Gerik,” katanya menerusi kenyataan tersebut di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, tiada sebarang tangkapan dibuat di lokasi.

Katanya, sebanyak 52 kayu yang siap dipotong disita dan dibawa ke stor rampasan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak untuk tindakan selanjutnya.

FOTO: JABATAN PERHUTANAN PERAK



Sebanyak 52 kayu siap dipotong ditemui di kaki Gunung Kerunai oleh pasukan UTK Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak yang dipercayai dicuri.